

CNS6954

U GB 06-08 00186 BH152

BAH

Mahathir - Syarikat

PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN DISARAN TUBUH SYARIKAT GERGASI

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyarankan peladang, penternak dan nelayan menubuhkan syarikat-syarikat gergasi yang mampu menampung keperluan makanan rakyat negara ini dan juga untuk eksport.

Perdana Menteri berkata, mereka tidak perlu kluatir soal modal dan pengurusan kerana modal boleh digembleng sesama mereka manakala pengurusan syarikat-syarikat itu pula boleh diserahkan kepada golongan profesional.

"Saya berpendapat bahawa di zaman moden ini, segala-galanya mesti dibuat secara besar-besaran. Zaman satu kelompok kecil mengeluarkan makanan untuk penduduk seramai 19 juta orang dan eksport sudah berakhir," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 1994, di Stadium Negara, di sini.

Dr Mahathir berkata, melalui konsep syarikat gergasi itu, peladang, penternak dan nelayan merupakan pemegang saham syarikat itu sama ada dalam bidang pertanian, perikanan atau penternakan.

Dengan cara itu, katanya, bilangan pembekal makanan di negara ini boleh dikurangkan sesuai dengan perubahan zaman tetapi jumlah makanan yang dikeluarkan tetap mampu menampung keperluan setiap rakyat dan juga eksport.

-- Lagi.

06/08/15-17MST

U GB 06-08 00154 BH153

BAH

Mahathir - Syarikat 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, kejayaan konsep itu boleh dilihat di Amerika Syarikat suatu masa dulu apabila 95 peratus penduduknya merupakan petani yang membekalkan makanan untuk lima peratus penduduk dan diri mereka sendiri.

"Sekarang dengan menubuhkan syarikat-syarikat gergasi, bilangan mereka yang menjadi petani hanyalah lima peratus tetapi berupaya membekalkan makanan bukan sahaja untuk diri mereka sendiri, bahkan 95 peratus lagi penduduk dan juga untuk eksport," katanya.

Dr Mahathir berkata, tenaga profesional untuk mengendalikan syarikat-syarikat gergasi itu mudah dicari kerana lulusan bidang berkenaan daripada universiti-universiti tempatan dan luar negara semakin banyak setiap tahun.

"Dengan cara itu, barulah kita boleh secara serius mengeluarkan bahan makanan untuk pengguna yang semakin meningkat," katanya.

Apabila syarikat-syarikat gergasi itu sudah mula menunjukkan kemajuan, soal pinjaman untuk memperluaskan lagi kegiatannya tidak akan berbangkit kerana bank dan kerajaan tidak akan ragu-ragu untuk membantu, tambah beliau.

-- Lagi.

06/08/15-19MST

U GB 06-08 00143 BH154

BAH

Mahathir - Syarikat 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Terdahulu, Dr Mahathir berkata, perniagaan secara koperasi yang dijalankan peladang, penternak dan nelayan sekarang tidak boleh diurus sebagai perniagaan yang profesional kerana terdapat halangan undang-undang.

"Kalau hendak hidup sebagai petani di zaman moden ini hanya satu cara sahaja iaitu tubuhkan syarikat gergasi yang mempunyai teknologi, penyelidikan, modal, pemasaran dan pembungkusan serta pelbagai kepakaran lain," katanya.

Katanya, industri pertanian di zaman moden ini memerlukan banyak perbelanjaan jika seseorang yang menceburinya ingin mencapai kejayaan.

Sebagai contoh, katanya, zaman mengail ikan seekor demi seekor sudah lama berlalu dan sekarang nelayan memerlukan bot-bot besar seberat 500 atau 600 tan untuk menerokai laut dalam.

Sehubungan itu, katanya, peladang, penternak dan nelayan perlu mengikuti segala perubahan yang sedang berlaku supaya mereka tidak ketinggalan jauh di belakang. -- Bernama.

AH KAM.

06/08/15-20MST